

Manuskrip lubuk peninggalan ilmu

Kuala Lumpur: Manuskrip alam Melayu umpama 'lubuk' yang menyimpan khazanah ilmu, rahsia kehebatan dan kebijaksanaan nenek moyang.

Perkara ini dikongsi kan pengkaji manuskrip yang juga Pengasas Maktab Penyelidikan Tamadun Alam Melayu dan Islam, Hasanuddin Yusof yang sentiasa teruja setiap kali membaca serta mengkaji dokumen berharga itu.

Menurutnya, sehingga kini, beliau sudah membaca lebih 50 dan mengkaji secara mendalam tiga manuskrip alam Melayu.

"Setiap manuskrip mempunyai keunikan tersendiri dan manuskrip Hukum Kanun Melaka




HASANUDDIN

selesai mengkaji manuskrip Keris Terengganu yang dipercayai berusia lebih 100 tahun.

"Manuskrip ini menerangkan kehebatan dalam pembuatan keris di Terengganu.

"Terdapat keris di Te-



SEBAHAGIAN manuskrip alam Melayu yang tersimpan rapi di luar negara.

adalah yang paling lama iaitu berusia lebih 500 tahun.

“Hukum Kanun Melaka ini satu-satunya manuskrip alam Melayu yang masih wujud dan ditulis pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.

“Antara kandungan manuskrip ini, ia menerangkan proses pengadilan yang sangat baik dan sistematik. Turut dicatatkan ialah muamalat jual beli dan hukum jenayah dalam Islam seperti hudud, qisas dan takzir,” katanya kepada Metro Ahad.

Beliau berkata, berdasarkan Hukum Kanun Melaka ini, jelas menggambarkan ketinggian tamadun Melaka dan kebijaksanaan masyarakat Melaka ketika itu.

Menurut Hasanuddin, terbaharu beliau

“Setiap manuskrip mempunyai keunikan tersendiri”
Hasanuddin

rengganu dihasilkan dengan menggunakan tulang mawas. Siku di bahagian lengan mawas adalah objek paling keras. “Tulang ini apabila dicampur dengan besi serta dilebur bersama, ia akan menjadikan keris lebih kukuh,” katanya.

Menurut Hasanuddin, tulang mawas antara bahan yang digunakan orang dahulu dalam menghasilkan keris.

“Saya mengambil masa sebulan untuk mengkaji manuskrip setebal 80 muka surat ini yang diperoleh daripada rakan pada 2018.

“Saya akan bukukan manuskrip ini hujung tahun ini untuk berkongsi penemuannya dengan masyarakat,” katanya.

KHAZANAH KITA DI BUMI ASING

Ribuan manuskrip alam Melayu kini boleh diakses secara digital

Oleh Muhammad Saufi dan Nor 'Asyikin Mat Hayin
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Ribuan manuskrip alam Melayu dikatakan bernilai puluhan juta ringgit tersimpan di beberapa lokasi di seluruh dunia.

Antaranya ialah di British Library, London, United Kingdom; Muzium Topkapi, Istanbul, Turki; Muzium Leiden, Belanda selain Portugal.

Manuskrip alam Melayu ini terdiri daripada pelbagai

“Sebenarnya, terdapat ribuan lagi manuskrip Melayu yang masih tersimpan dan tidak keterlaluan jika saya menganggarkan puluhan ribu”

Dr Mohd Syukri Yeoh

kategori, antaranya hikayat cerita Melayu, undang-berkanun ketika era kegemilangan Melaka sehingga kepada surat rasmi raja-raja.





Menerusi arkib digital di British Library, wartawan menemui lebih 100 naskhah manuskrip pelbagai bidang termasuk kanun bertulis,

Sejarah Melayu, Hikayat Hang Tuah serta surat daripada kesultanan Melayu kepada pembesar luar.

Arkib digital berkenaan kini boleh diakses secara percuma dengan memasukkan kata kunci 'Jawi' dan semua bahan manuskrip berkenaan ditulis dalam bahasa Jawi dan ada juga dalam bahasa Arab.

Felo Penyelidik Kanan, Institut Alam dan Tamadun Melayu (Atma) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Mohd Syukri Yeoh Abdullah berkata, semua manuskrip berkenaan tersimpan di bebe-



MET 120 24/10/20 24/10/20 24/10/20

rapa negara dan ia cukup terpelihara.

Menurutnya, tahap nilai sesebuah manuskrip itu diukur menerusi isi kandungannya, siapa pengarangnya dan usia manuskrip berkenaan.

Beliau berkata, setiap manuskrip itu akan memberi gambaran kepada kehidupan masyarakat, teknologi serta pengetahuan ketika ia ditulis.

"Kebanyakan manuskrip ini berusia antara 200 hingga 700 tahun termasuk manuskrip besar seperti Sejarah Melayu serta kitab-kitab awal berkaitan agama Islam.

"Kitab-kitab berkaitan hukum hakam agama ini kebanyakannya ditulis oleh ulama Nusantara sebelum manuskrip berkenaan dibawa ke negara luar untuk simpanan serta kajian.

"Saya kira, terdapat ribuan manuskrip alam Melayu masih berada di beberapa negara seperti United Kingdom dan

Belanda ketika era kolonial dahulu," katanya kepada Metro Ahad.

Dr Mohd Syukri berkata, wujud juga simpanan manuskrip yang besar di Muzeum Topkapi kerana alam Melayu mempunyai pertalian sejarah dengan kerajaan daulah Uthmaniyyah.

"Sebenarnya, terdapat ribuan lagi manuskrip Melayu yang masih tersimpan dan tidak keterlaluan jika saya menganggarkan puluhan ribu.

"Ada manuskrip yang masih belum dikatalogkan lagi oleh penyimpan seperti muzeum di sesebuah negara. Pengkaji tempatan memerlukan kaedah khusus untuk melaksanakan kajian terhadap khazanah kita.

"Jika ada rundingan di peringkat kerajaan kepada kerajaan (G2G), pastinya kita dapat membawa pulang sebahagian besar manuskrip ini namun kita tidak begitu agresif ke arah objektif berkenaan," katanya.

Gesa wujud Pusat Manuskrip Melayu

Kuala Lumpur: Pusat Manuskrip Melayu perlu diwujudkan bagi memartabatkan sejarah warisan bangsa sekali gus menyangkal dakwaan bahawa bangsa Melayu lemah dan ketinggalan.

Itu cadangan Pengerusi Majlis Penasihat Peradaban Melayu, Prof Tan Sri Dr Abdul Latiff Abu Bakar berhubung ribuan manuskrip alam Melayu yang bertebaran di seluruh dunia.

Abdul Latiff berkata, sudah sampai masanya kerajaan mewujudkan satu institusi khusus yang mengumpul, menyimpan serta melaksanakan kajian berhubung manuskrip lama.

"Saya sendiri pernah melihat beberapa manuskrip alam Melayu yang tersimpan di beberapa negara luar dan ia satu perasaan yang amat mengembirakan apabila melihat ketinggian warisan Melayu suatu ketika dulu.

"Wujud beberapa kaedah untuk kita bawa pulang manuskrip ini, antaranya jika tidak boleh kita ambil manuskrip asal, mungkin kita boleh buat salinan atau menerusi simpanan digital.

"Semua manuskrip ini perlulah diletakkan di



DR Abdul Latiff

suatu institusi khusus dan untuk itu saya berpandangan bahawa kewujudan Pusat Manuskrip Melayu adalah sangat penting," katanya.

Beliau berkata, pusat berkenaan perlu juga mendapat kerjasama daripada Perpustakaan Negara (PNM) dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang memiliki kepakaran dalam pengkajian manuskrip.

Menurutnya, setiap manuskrip ini mempunyai nilai tersendiri termasuklah cerita rakyat yang turut tersimpan di negara luar kerana setiap ciri berkenaan memberi gambaran kehidupan masyarakat ketika itu.

penyimpanan arkib lama malah kita juga boleh melaksanakan dokumentasi digital bahan ini.

"Bagaimanapun, kita seakan kurang agresif untuk membawa pulang manuskrip ini dan hanya menilai manuskrip itu hanya seakan kurang agresif untuk membawa pulang manuskrip ini dan hanya menilai manuskrip itu hanya se-
dangkan terdapat ilmu pengetahuan yang bernilai

manuskrip ini mempunyai nilai yang tersendiri dan pengkaji tempatan perlu diberikan ruang untuk mengkaji khazanah negara ini.

"Apa yang saya tahu, kebanyakan manuskrip ini disimpan di British Library hasil koleksi beberapa tokoh sarjana barat seperti Stanford Raffles dan beberapa orang lain," katanya.

